

RM943j bagi projek perumahan

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. – Usaha menambah projek perumahan khususnya rumah kos rendah akan dipergiatkan menerusi peruntukan RM943 juta yang disediakan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2002.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, daripada jumlah itu, RM143 juta akan digunakan untuk meneruskan 124 projek Perumahan Awam Kos Rendah yang diberi secara pinjaman kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Menurutnya, RM793 juta pula akan digunakan untuk meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Bersepadu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di bandar lain untuk disewa kepada golongan rakyat berpendapatan rendah.

“Atas keprihatinan kerajaan, pembinaan perumahan awam kos rendah turut melibatkan kemudahan khusus untuk golongan istimewa,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan turut mengambil berat masa-

lah perumahan yang dihadapi oleh kakitangan sektor awam terutama anggota tentera dan polis.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memperuntukkan RM1.08 bilion untuk membina rumah anggota tentera, polis dan kakitangan awam.

Jelasnya, daripada jumlah itu, RM710 juta disediakan untuk perumahan anggota pasukan tentera, RM197 juta untuk perumahan anggota pasukan polis dan bakinya, RM173 juta untuk perumahan kakitangan awam.